

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (C.3-4 EB.5)  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah pun lulus peperiksaan Jabatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (*ABDB*), Polis Diraja Brunei dan sebagainya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun serta lulus ujian bertulis.
2. Berumur tidak lebih dari 35 tahun (bagi pengambilan baru).
3. Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kaca mata / kanta lekap lebih 100 *degree*.
4. Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota Keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun (melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Komandan atau pegawai penyelia (*Supervising Officer*) bagi tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada bidang tugasnya;
2. Membantu mengekalkan perhubungan (*liaison*) dan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan (Kementerian / Jabatan) bagi penyelarasan perkara-perkara keselamatan (*security*);
3. Mengutip maklumat-maklumat yang diperlukan bagi Pemeriksaan atau Kajian Semula Keselamatan dan membantu melaksanakan kawalan keselamatan yang dikehendaki;
4. Membantu mengemaskinikan arahan-arahan tetap bagi tempat-tempat keselamatan;
5. Mengenalpasti keperluan-keperluan dan membantu Pegawai Keselamatan menyusun program Pendidikan dan Latihan keselamatan;
6. Membantu Pegawai Keselamatan melakukan Pemeriksaan Keselamatan ke atas tempat-tempat keselamatan seperti yang dijadualkan;
7. Menjalankan jika dikehendaki siasatan awal apabila berlaku kejadian Pelanggaran Keselamatan atau aduan terhadap anggota keselamatan; dan
8. Menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan (*security*) yang diatitkan oleh Komandan dari semasa ke semasa.